

LAWATAN RASMI COMMANDER OF PACIFIC AIR FORCE (PACAF), GENERAL TERRENCE O'SHAUGHNESSY KE KEMENTERIAN PERTAHANAN

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2349-lawatan-rasmi-commander-of-pacific-air-force-pacaf-general-terrence-o-shaughnessy-ke-kementerian-pertahanan

KUALA LUMPUR, 25 Ogos 17 – Commander of Pacific Air Force (PACAF), General Terrence O'Shaughnessy telah melaksanakan lawatan kerja rasmi beliau ke Malaysia. Dalam rangka lawatan selama 2 hari mulai 24 hingga 26 Ogos 17, beliau telah membuat kunjungan hormat ke atas Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum dan Panglima Angkatan Tentera, Yang Mulia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor di Wisma Pertahanan. Hadir sama semasa kunjungan berlangsung Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM.

Terdahulu, ketibaan beliau di Wisma Pertahanan telah disambut dengan penuh istiadat ketenteraan menerusi perbarisan Kawalan Kehormatan Utama dari Rejimen TUDM yang turut diiringi oleh Pasukan Pancaragam Pusat TUDM.

Dalam rangka lawatannya di sini, General Terrence O'Shaughnessy turut diberikan taklimat berkenaan organisasi TUDM sejurus selesai melakukan kunjungan hormat ke atas Panglima Tentera Udara. Taklimat tersebut dihadiri Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM dan AKS-AKS Bahagian.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan diplomasi pertahanan yang telah wujud sekian lama khususnya antara TUDM dan PACAF.





